

31/10/2002

Pembangkang mahu PM bezakan lawatan

SEORANG Ahli Parlimen pembangkang hari ini meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membezakan lawatan ke negeri dan kawasan tertentu atas nama Presiden parti Umno atau Perdana Menteri.

Mohamad Sabu (Pas-Kuala Kedah), berkata apabila Perdana Menteri membuat lawatan ke kawasan, ada antara ahli Parlimen pembangkang yang berminat menyambut dan mendengar ucapan beliau.

Bagaimanapun, katanya, rancangan itu terpaksa dibatalkan kerana kedatangan Dr Mahathir disambut dengan bendera Umno dan Barisan Nasional (BN) sedangkan lawatan itu atas nama Perdana Menteri.

"Apabila Perdana Menteri datang ke Alor Star, saya pun ada turun untuk mendengar ucapan Perdana Menteri kita.

"Tetapi melihatkan banyak bendera kerajaan yang menyambut kedatangan beliau, saya tak jadi dengar ucapannya," katanya ketika membahaskan Bajet 2003 peringkat Jawatankuasa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Mohamad berkata, keadaan itu boleh menjejaskan perpaduan kerana untuk menyedarkan orang bawahan yang terdiri daripada pelbagai kaum supaya bersatu, pemimpin peringkat atasan perlu bersatu terlebih lebih sebagai teladan.

Katanya, ada juga sesetengah menteri yang melakukan lawatan kerja tetapi dalam ucapan perasmianya menghentam parti pembangkang.

Mohamad turut mempertikaikan kesanggupan kerajaan menjadikan Kuala Lumpur sebagai Pusat Pencegahan Keganasan bagi rantau Asean kerana dikatakan akan membawa kesan buruk kepada negara ini di masa depan.